

Majlis Media payungi reformasi dunia kewartawanan

Oleh Dr Hafidz Hakim Haron
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Undang-Undang,
Kolej
Undang-Undang,
Kerajaan dan
Pengajian
Antarabangsa
(COLGIS), Universiti
Utara Malaysia

Selepas sekian lama, harapan untuk melihat penubuhan Majlis Media Malaysia semakin hampir untuk menjadi kenyataan apabila Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) memaklumkan Draf Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia sedang melalui proses kemas kini peringkat kementerian.

Perkembangan ini disambut baik pengamal media yang mana penubuhan Majlis Media Malaysia dilihat dapat membuka jalan ke arah media lebih demokratik, bebas dan beretika.

Perihal positif ini juga seolah-olah selari dengan peningkatan kedudukan Malaysia dalam Indeks Akhbar Dunia bagi 2023 dikeluarkan Reportes Without

Borders (RSF) menobatkan Malaysia di kedudukan 73 daripada 180 negara.

Peningkatan kedudukan ini amat ketara jika dibandingkan kedudukan tahun sebelumnya iaitu tangga ke-113 pada 2022 dan 119 pada 2021.

Secara asasnya jaminan terhadap hak kebebasan bersuara adalah bersifat sejagat. Terdapat

dua instrumen perundangan antarabangsa utama mengenai hak asasi manusia, iaitu Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Perjanjian Antarabangsa Mengenai Hak-hak Sivil dan Politik (ICCPR).

Boleh sekat kebebasan bersuara

Pada peringkat nasional, hak kebebasan bersuara terjamin di bawah Perkara 10(1)(a) Perlembagaan. Namun, Perlembagaan juga memberikan kuasa kepada Parlimen menggubal undang-undang boleh menyekat kebebasan bersuara jika memenuhi alasan dibenarkan seperti melindungi ketenteraman awam.

Hasrat menubuhkan Majlis Media Malaysia sudah disuarakan sejak 1974 lagi. Secara amnya, fungsi asas Majlis Media untuk membuka ruang kepada pengamal dan penggiat industri mengawal selia industri media secara kendiri.

Majlis Media juga menguatkuasakan etika kewartawanan tinggi berdasarkan prinsip etika kewartawanan sebagai pelindung kepada khlayak media sekiranya mereka dianiayai.

Masyarakat yang terjejas disebabkan laporan media boleh mengajukan aduan kepada Majlis Media dan tindakan tertentu boleh diambil terhadap pesalah berlandaskan bidang kuasa yang ada pada majlis media.

Hal ini termasuk memerintahkan permohonan maaf dibuat secara terbuka jika laporan bersifat fitnah atau mengarahkan pembetulan dilakukan secara serta-merta sekiranya laporan salah atau tidak tepat.

Dalam pada itu, Majlis Media boleh mengambil peranan sebagai platform menyebarkan berita dan maklumat sahih lagi tepat kepada umum, sekali gus mencegah penulisan berita palsu.

Dalam keghairahan meraikan peningkatan kedudukan negara dalam Indeks Akhbar Dunia, wajar bagi semua pihak atau pemegang taruh terus memberikan komitmen mereformasi struktur kawal selia media.

Hal ini penting bagi memastikan harapan untuk membentuk persekitaran media lebih kondusif, demokratik, bertanggungjawab dan beretika dapat dicapai.

Agenda penubuhan Majlis Media Malaysia harus bergerak seiring dengan agenda reformasi perundangan lain, seperti penelitian semula terhadap Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Hasutan 1948 dan beberapa peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Reformasi terhadap institusi dan perundangan adalah penting bagi memastikan Majlis Media Malaysia yang dicadangkan dapat berfungsi sebaiknya seperti diharapkan.